

Tumpu pengukuhan, pemulihan negara

> Tahun pertama pentadbiran PH mahu letakkan semula Malaysia di landasan: PM

Tahun pertama pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) lebih bertumpu kepada usaha pengukuhan, pemulihan serta meletakkan semula negara di landasannya berikutan kekalutan yang ditimbulkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan bergelut merungkai pendedahan skandal terbabit, impak kerosakan didapati jauh lebih buruk daripada dijangkakan.

Malah, beliau berkata, sepanjang tempoh itu, kerajaan turut mendapati teras lain ekonomi negara juga terjejas walaupun tidak menecah tahap terburuk.

“Kesimpulannya, tempoh itu memberi lebih perhatian kepada

aspek pengukuhan, pemulihan dan meletakkan semula negara di landasannya,” katanya pada mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Amerika Malaysia (AmCham) di sini, semalam.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, walaupun kelihatan seperti kerajaan baharu ini perlu berusaha lebih mengatasi pelbagai isu dan cabaran sukar, namun “saya percaya kita dapat menanganinya dan berharap pada akhirnya dapat menarik nafas lega bagi teruskan perancangan kerajaan, daripada hanya terikat dengan usaha memperbetul keadaan semata-mata.”

Komited perluas ekonomi

Beliau berkata, kerajaan turut menyedari bahawa negara tidak boleh mencapai kemajuan sekiranya ia tidak mengembangkan ekonomi.

“Justeru, kita komited untuk memastikan dasar kerajaan bersifat mesra pelabur, kepada pelabur asing dan domestik. Kerajaan ini akan berusaha meneruskan libat urus dengan syarikat multinasional (MNC) seperti anda.

“Kami mengambil semua pandangan anda untuk dipertimbangkan, supaya anda akan terus me-

lihat Malaysia sebagai destinasi menggalakkan, strategik dan menguntungkan pelaburan bagi perniagaan Amerika Syarikat (AS) kini dan hingga masa akan datang,” katanya.

Pembaharuan pendidikan

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan tingkatkan usaha melaksanakan pembaharuan lebih besar dalam sistem pendidikan yang antara lain menyentuh bahasa Inggeris, kualiti guru dan kebolehpasaran graduan.

Katanya, pembaharuan itu dijangka dapat dilaksana sebaik sahaja Pasukan Petugas Khas selesai mengkaji dasar pendidikan secara keseluruhan, dari peringkat pra sekolah hingga pendidikan tinggi.

“Kerajaan juga meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) untuk memberi lebih banyak ruang dan kebebasan kepada pelajar,” katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa pembangunan bakat adalah penting untuk masa depan bersama dan sebagai sebuah negara kecil seperti Malaysia, setiap orang dianggap tidak kurang penting ke arah peningkatan produktiviti negara.

BERNAMA

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



Dr Mahathir bersama Naib Presiden AmCham, Steve Clayton pada mesyuarat agung tahunan AmCham di Kuala Lumpur, semalam.